



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025

APB REMBAU E-BULLETIN

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X

“INKSPIRE FUTURE” MENJADI PLATFORM LITERASI MAKLUMAT

Ditulis oleh: Noor Faraliza Samsudin, Mohd Hafiz Kasirun, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau


Di era digital yang semakin berkembang, keupayaan untuk menyaring, memahami, dan menggunakan maklumat dengan bijak menjadi semakin penting. Dengan limpahan maklumat yang tersedia dalam talian, masyarakat perlu mempunyai kemahiran literasi maklumat bagi memastikan mereka hanya menggunakan sumber yang sahih dan berkualiti.

Salah satu inisiatif penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai literasi maklumat ialah program yang memberi pendedahan kepada pelbagai aspek penilaian maklumat. Melalui program seperti karnival literasi maklumat, peserta dapat mempelajari cara mengenal pasti sumber yang boleh dipercayai serta mengembangkan keupayaan berfikir secara kritis terhadap maklumat yang diterima.

Karnival Literasi Maklumat yang berlangsung pada 2-4 Januari 2025 di Dewan Biduanda Kampus Rembau merupakan salah satu contoh program yang berjaya menarik penyertaan ramai. Seramai 215 pelajar semester akhir Pengajian Sains Maklumat telah terlibat dalam penganjuran karnival ini, yang turut menampilkan 25

wakil penerbit buku dan agensi awam. Acara ini mendapat kerjasama erat daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) serta Kumpulan Karang kraf, menarik lebih kurang 1500 pengunjung dari kalangan warga UiTM dan masyarakat setempat.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang karnival ini. Antaranya ialah siri Bedah Buku yang menampilkan penulis-penulis terkenal berkongsi pengalaman dan idea mereka dalam dunia penulisan. Selain itu, pameran literasi maklumat turut menjadi tarikan utama, memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi dengan pakar dalam bidang ini serta mengenali bahan bacaan berkualiti yang boleh dijadikan rujukan.



Gambar 1: Majlis Perasmian Karnival Literasi Maklumat Bertemakan “Inkspire Future”

Literasi maklumat bukan sahaja membantu individu dalam membuat keputusan yang lebih baik, malah ia juga menyumbang kepada pembelajaran sepanjang hayat. Dalam dunia yang penuh dengan berita palsu dan maklumat yang mengelirukan, kebolehan untuk menapis dan menganalisis kandungan yang diperoleh adalah satu keperluan utama. Program-program literasi maklumat yang melibatkan golongan pelajar, profesional muda, serta masyarakat umum adalah langkah proaktif dalam membentuk individu yang lebih celik maklumat.

Justeru itu, sebagai seorang ahli profesional dalam hal pengurusan maklumat, pengolahan inovasi dalam bidang literasi maklumat juga amat dititik beratkan demi memastikan masyarakat Malaysia terus maju dan berdaya saing. Sebagai contoh, kita membudayakan sumber pendidikan berbentuk interaktif seperti video, potcast dan permainan (gamification) untuk memantapkan lagi pemahaman mereka. Selain itu juga, ktiviti seperti sesi bedah buku dan pameran literasi maklumat membuka peluang kepada masyarakat untuk memahami dengan lebih mendalam kepentingan penggunaan maklumat yang beretika.

Dengan mengimplementasikan cadangan-cadangan ini, masyarakat akan lebih berkemampuan untuk menilai dan

mengakses maklumat yang betul, sekaligus meningkatkan kesedaran tentang literasi maklumat dalam dunia yang semakin digital ini.



Gambar 2: Permainan Interaktif "Virtual Reality"